



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **4.5 JUTA GERAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

**KUALA LUMPUR, 4 Julai 2019** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini telah menyempurnakan Sesi Penyampaian Geran Peruntukan kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM4,298,000.00 kepada MPPWP Kuala Lumpur dan RM271,600.00 kepada MPPWP Putrajaya yang meliputi Geran Pengurusan dan Geran Aktiviti. MPPWP juga wajar menitikberatkan elemen integriti dalam menguruskan geran-geran peruntukan tersebut.

Kementerian melihat MPPWP sebagai satu entiti yang penting dalam melaksanakan program kemasyarakatan. Oleh itu, kmmementerian telah menambah baik fungsi dan pelaksanaan MPPWP yang meliputi beberapa aspek iaitu

- (a) penstrukturan semula persempadanan kawasan dan pecahan bilangan MPPWP peringkat Sub Zon bagi memastikan keperluan demografi dan populasi di sesuatu kawasan parlimen dapat dipenuhi;
- (b) pemberian Elaun Tetap Bulanan kepada Pengerusi MPPWP peringkat Zon;
- (c) penyeragaman tiga jawatan utama MPPWP peringkat Zon dan Sub Zon di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan; dan
- (d) pemerkasaan peranan Pegawai Perhubungan di MPPWP peringkat Zon dan Sub Zon untuk memastikan perancangan KPI pelaksanaan program dan aktiviti MPPWP dapat dicapai.

Pelaksanaan MPPWP ini dilihat sebagai pemangkin kepada penganjuran program dan aktiviti kemasyarakatan yang membawa ke arah perpaduan, kelestarian persekitaran, keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan modal insan dalam kalangan penduduk Wilayah Persekutuan. Sehubungan dengan itu, MPPWP kawasan Parlimen masing-masing juga berperanan untuk membantu dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi Program Ikon Remaja yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Mac yang lalu.

Kementerian amat berharap agar kerjasama yang utuh dari MPPWP dapat meningkatkan kualiti kehidupan warga Wilayah Persekutuan melalui pelaksanaan pembangunan modal insan dan aktiviti kemasyarakatan secara keseluruhannya selari dengan aspirasi kementerian iaitu "**Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi**".

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**